

DEWAN FILHARMONIK PETRONAS PRIVACY NOTICE

JOB APPLICANT PRIVACY NOTICE

INFORMATION GATHERING AND USAGE

Dewan Filharmonik PETRONAS (“DFP”) may collect, store, use and otherwise process certain individually identifiable data about you as a job applicant (“Personal Data”) to the extent permitted by applicable law, including but not limited to your:

Name, contact information, gender, citizenship, date of birth, current organization and position information, expected compensation, photo, log-in information for DFP applications, background check information, education history and other formal training and certifications, language skills and other characteristics, skills, experience and certifications, executed documents in connection with your application, interview assessment forms, and/or other personal data for the purposes of your application.

DFP may collect Personal Data from you through DFP website or any other relevant platforms (for example, LinkedIn), together with any information contained within any document you upload and provide to us, to support your application, as well as a number of sources, including public records, former employers, your referees (as provided to us), recruitment agencies, educational institutions, external consultants, and such other permissible or authorized sources.

Where applicable for the purpose of your application for employment, we may also require you to provide Personal Data relating to your referees, spouse(s), family members or other dependents, and where necessary for our own internal reference and records, with your consent, information relating to your previous salary or pay (including the relevant documentation or records). To the extent that you have provided (or will provide) Personal Data about your referees, spouse(s), family members or other dependents, it is your responsibility to inform such individuals about the processing of their Personal Data by DFP for the purposes and in the manner described in this Privacy Notice. You must also inform them about their rights of access, rectification and deletion in accordance with applicable law and must obtain their consent, where necessary, to the processing and transfer of their Personal Data as set out herein, and where you have provided (or will provide) Personal Data about your previous salary or pay or any relevant confidential information, it is your responsibility to obtain your previous employer’s consent, where necessary, to the disclosure of the salary or pay or confidential information as set out herein.

DFP will not collect, use or process any Personal Data that is prohibited by applicable law. The type of Personal Data actually collected by DFP may vary from jurisdiction to jurisdiction, and in some jurisdictions DFP might not collect all of the categories of Personal Data listed above.

Moreover, in addition to the Personal Data listed above, DFP in accordance with applicable law and DFP policies, may also collect limited sensitive Personal Data that includes but not limited to:

- (i) physical and/or medical health information including vaccination status (for pre-employment physical examination approval, and health and safety risk assessment);
- (ii) racial or ethnic origin (as legally required by third party payroll providers);
- (iii) information in relation to criminal convictions (processed as part of the application process);
- (iv) information about religious beliefs; and
- (v) information about political opinions (“Sensitive Personal Data”).

Unless otherwise expressly stated, Personal Data would for purposes of this Privacy Notice include reference to Sensitive Personal Data.

We will only use your Personal Data for the purposes of the recruitment process and/or otherwise in connection with your potential employment, our internal record keeping, maintenance and updating of any information database(s), and for verification purposes and security screening or background monitoring (where permitted by local legislation).

Transfers out of the EEA:

Any transfer of Personal Data from within the European Economic Area (“EEA”) to a country outside of the EEA that has not been recognised by the EU Commission as providing an adequate level of data protection within the meaning of the General Data Protection Regulation will be made subject to “appropriate safeguards” being in place to ensure the protection of your Personal Data.

Appropriate safeguards refers to data transfer agreements based on the EU Commission standard contractual clauses for the transfer of data to third countries.

In the absence of an adequacy decision and where appropriate safeguards are unavailable, transfers may take place on the basis of your consent. In such a situation, we will inform you of the possible risks associated with such a transfer.

Alternatively, we may transfer your personal data where necessary:

- (i) for reasons of public interest, or
- (ii) in connection with a legal claim.

For the avoidance of doubt, the foregoing provision shall apply also in case we carry out onward transfer of Personal Data to any other DFP group of companies outside of the EEA (including those established in countries that have not been recognised by the EU Commission as providing an adequate level of data protection within the meaning of the GDPR).

We may also provide your Personal Data to third-party credit agencies, employment agencies, security screening agencies, medical examiners, or your referees to carry out background checks as part of the recruitment process, enforcement or regulatory authorities as required by applicable law, and/or otherwise in connection with your potential employment.

Unsuccessful Application

If your application is unsuccessful, we will keep your personal data only for a reasonable period based on our business needs and in accordance with our internal policies and procedures.

Successful Application

If your application is successful, we will process your personal data for purposes regarding employment with us, in accordance with our Employee Privacy Notice.

In any other case, we will retain your personal data for the period necessary to fulfill the purposes stated herein unless a longer retention period is permitted or required by any applicable law. We will take all reasonable steps to destroy, or erase from our systems, all data which is no longer required.

Should there be a new purpose for the collection of your Personal Data, we shall inform you accordingly and obtain your consent to the same, where necessary.

If you choose not to provide us with your Personal Data or if you provide insufficient, invalid, incorrect or inaccurate Personal Data to us or decline to provide the Personal Data we require, we may not be able to process your application and it may impact your ability to be employed.

DFP will not disclose information provided by you to third parties without your consent other than as described in this Notice or in our full Privacy Statement on DFP’s website.

For further information regarding the storage and transfer of your personal data, your rights in relation to your personal data, and the contact details of our privacy officer, please read our full Privacy Statement on DFP’s website.

Changes to this Privacy Notice

We reserve the right to update and amend this Privacy Notice from time to time. You are advised to check any amendments to this Privacy Notice via DFP Career Portal. If we amend this Privacy Notice, the amendment will only apply to personal data collected after we have posted the revised Privacy Notice.

Language

In accordance with the requirement of Malaysian data protection and privacy law, this Privacy Notice is issued in both English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistencies or discrepancies between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

How You Can Contact Us

Any questions, comments and requests regarding this Privacy Notice are welcomed and should be addressed to:

Human Resource & Administration of Finance & Corporate Services Department
Address: Level 2, Tower 2, PETRONAS Twin Tower, KLCC, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Email Address: hrandadministratio@dfp.com.my

NOTIS PRIVASI DEWAN FILHARMONIK PETRONAS

NOTIS PRIVASI PEMOHON PEKERJAAN

PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN MAKLUMAT

Dewan Filharmonik PETRONAS (“DFP”) mungkin akan mengumpul, menyimpan, mengguna dan memproses data peribadi tertentu tentang anda sebagai pemohon kerja (“Data Peribadi”) setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang terpakai, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

Nama, maklumat perhubungan, jantina, kewarganegaraan, tarikh lahir, organisasi semasa dan maklumat jawatan, gaji yang dipohon, gambar, maklumat log masuk aplikasi DFP, maklumat semakan latar belakang, sejarah pendidikan dan latihan dan lain-lain pensijilan formal, kemahiran bahasa dan lain-lain ciri, kemahiran, pengalaman dan pensijilan, dokumen-dokumen yang telah dilaksanakan berkenaan dengan permohonan anda, borang-borang penilaian temuduga, dan/atau data peribadi yang lain bagi tujuan permohonan anda.

DFP mungkin akan mengumpul Data Peribadi anda menerusi website DFP atau mana-mana platform lain yang berkaitan (sebagai contoh, Jobstreet), berserta sebarang maklumat yang terkandung dalam apa-apa dokumen yang anda muat naik dan majukan kepada kami, untuk menyokong permohonan anda, dan juga sumber-sumber lain, termasuk rekod umum, majikan lama, referi (seperti yang dimajukan kepada kami), agensi pengambilan pekerja, institusi pengajian, perunding luar, dan lain-lain sumber.

Jika perlu, kami mungkin meminta anda untuk memajukan kepada kami, Data Peribadi tentang referi, pasangan (isteri / suami), ahli keluarga atau mana-mana tanggungan, dan sekiranya perlu, dengan persetujuan anda, maklumat tentang gaji dan upah terdahulu (termasuk dokumen atau rekod yang berkenaan) untuk rujukan dan rekod dalaman kami. Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada individu-individu tersebut berkenaan pemprosesan Data Peribadi mereka oleh DFP sebagaimana tujuan dan cara yang diuraikan dalam Notis Peribadi ini. Anda juga hendaklah memaklumkan kepada mereka, tentang hak berkenaan akses, pembetulan, dan pemadaman, mengikut undang-undang terpakai, dan hendaklah mendapatkan persetujuan mereka, apabila perlu, untuk pemprosesan dan pemindahan Data Peribadi mereka seperti yang dinyatakan dalam Notis Peribadi ini, dan apabila anda telah memajukan (atau akan memajukan) Data Peribadi berkenaan gaji atau upah terdahulu, atau apa-apa maklumat lain, anda bertanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan majikan anda terdahulu, sekiranya perlu, untuk pendedahan gaji, upah atau maklumat sulit seperti yang dinyatakan dalam Notis Peribadi ini.

DFP tidak akan mengumpul, mengguna atau memproses apa-apa Data Peribadi yang dilarang di bawah undang-undang terpakai. Data Peribadi yang dikumpul oleh DFP mungkin berbeza daripada satu bidang kuasa kepada bidang kuasa yang lain, dan di sesetengah bidang kuasa, DFP mungkin tidak akan mengumpul kesemua kategori Data Peribadi yang disenaraikan di atas.

Tertakluk kepada undang-undang dan polisi terpakai, DFP mungkin mengumpul Data Peribadi sensitif termasuklah tetapi tidak terhad kepada:

- (i) maklumat kesihatan fizikal dan/atau perubatan termasuklah status vaksinasi anda (untuk kelulusan pemeriksaan fizikal pra-pekerjaan, dan penilaian risiko kesihatan dan keselamatan);
- (ii) asal usul bangsa atau etnik (seperti yang dikehendaki secara sah oleh pembekal perkhidmatan pemprosesan gaji pihak ketiga);
- (iii) maklumat berkenaan sabitan jenayah (yang diproses sebagai sebahagian daripada proses permohonan);
- (iv) maklumat tentang kepercayaan agama; dan
- (v) maklumat tentang pendapat politik (“Data Peribadi Sensitif”).

Melainkan dinyatakan sebaliknya secara jelas, istilah Data Peribadi dalam Notis Privasi ini turut merujuk kepada Data Peribadi Sensitif.

Kami hanya akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan-proses pengambilan kerja dan/atau berhubung dengan apa-apa peluang pekerjaan yang berkaitan dengan anda, penyimpanan rekod dalaman kami, penyelenggaraan dan pengemaskinian mana-mana pengkalan data dan maklumat, serta pengesahan dan tapisan keselamatan atau pemantauan latar belakang (jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan).

Pemindahan ke luar EEA:

Sebarang pemindahan Data Peribadi dari Kawasan Ekonomi Eropah (“EEA”) ke negara luar EEA yang belum diiktiraf oleh Suruhanjaya Kesatuan Eropah sebagai penyedia perlindungan data peribadi wajar mengikut takrifan Peraturan Am Perlindungan Data Peribadi (“GDPR”), akan dibuat tertakluk kepada pelaksanaan “perlindungan wajar” untuk memastikan perlindungan Data Peribadi anda.

“Perlindungan wajar” adalah merujuk kepada perjanjian pemindahan data berdasarkan perjanjian standard pemindahan data ke negara-negara ketiga.

Sekiranya tiada keputusan atau perlindungan yang mencukupi, pemindahan tersebut mungkin akan dibuat berdasarkan persetujuan anda. Dalam situasi yang sedemikian, kami akan memaklumkan anda akan risiko-risiko berkaitan dengan pemindahan tersebut.

Secara alternatif, kami mungkin akan memindahkan Data Peribadi anda apabila perlu:

- (i) atas sebab-sebab kepentingan awam, atau
- (ii) berkaitan dengan tuntutan undang-undang.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, peruntukan di atas juga terpakai apabila kami memindahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana syarikat DFP di luar EEA.

Kami juga mungkin akan memajukan Data Peribadi anda kepada agensi kredit pihak ketiga, agensi pekerjaan, agensi pemeriksaan keselamatan, pengamal perubatan, atau referi untuk menjalankan pemeriksaan keselamatan sebagai sebahagian daripada proses pengambilan kerja, pihak penguatkuasa atau pihak berkuasa seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang terpakai, dan/atau sebaliknya berhubung apa-apa peluang pekerjaan yang berkaitan dengan anda.

Permohonan yang Tidak Berjaya

Sekiranya permohonan anda tidak berjaya, kami akan menyimpan Data Peribadi anda untuk suatu tempoh munasabah berdasarkan keperluan operasi kami tertakluk kepada polisi dan prosedur dalaman kami.

Permohonan yang Berjaya

Sekiranya permohonan anda berjaya, kami akan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan berkaitan dengan perkhidmatan pekerjaan anda dengan kami, tertakluk kepada Notis Privasi Pekerja kami.

Dalam kes lain, kami akan menyimpan Data Peribadi anda untuk suatu tempoh yang diperlukan bagi memenuhi apa-apa tujuan yang dinyatakan di sini melainkan tempoh penyimpanan yang lebih panjang dibenarkan atau diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang terpakai. Kami akan mengambil langkah-langkah wajar untuk memusnah, atau memadam daripada sistem kami, kesemua Data Peribadi anda yang tidak lagi diperlukan.

Kami akan memaklukkannya kepada anda sekiranya terdapat tujuan baru untuk pengumpulan atau pemprosesan Data Peribadi anda, dan mendapatkan persetujuan anda, jika perlu.

Sekiranya anda memilih untuk tidak memberi Data Peribadi anda kepada kami, atau sekiranya anda memberikan Data Peribadi yang tidak mencukupi, tidak sah, tidak benar, atau tidak tepat kepada kami, atau enggan memberikan Data Peribadi yang kami perlukan, kami mungkin tidak boleh memproses permohonan anda, dan ianya mungkin memberi kesan terhadap peluang anda untuk diambil bekerja.

DFP tidak akan menzahirkan maklumat yang anda beri kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan anda melainkan yang terkandung dalam Notis ini atau Kenyataan Privasi di laman web DFP.

Untuk maklumat lanjut berkenaan penyimpanan, pemindahan dan hak berkaitan Data Peribadi anda, serta butiran perhubungan pegawai privasi kami, sila layari Kenyataan Privasi kami di laman web DFP.

Perubahan kepada Notis Privasi ini

Kami berhak mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Anda dinasihatkan untuk menyemak sebarang pindaan kepada Notis Privasi ini menerusi DFP Career Portal. Sekiranya kami meminda Notis Privasi ini, pindaan tersebut hanya terpakai untuk Data Peribadi yang dikumpul selepas pindaan tersebut dibuat.

Bahasa

Selaras dengan keperluan undang-undang perlindungan data dan privasi Malaysia, Notis Privasi ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Hubungi Kami

Sebarang pertanyaan, komen dan permintaan berkaitan Notis Privasi ini adalah dialu-alukan dan hendaklah dialamatkan kepada:

Human Resource & Administration of Finance & Corporate Services Department
Alamat: Level 2, Tower 2, PETRONAS Twin Tower, KLCC, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Alamat Emel: hrandadministratio@dfp.com.my